

09/07/1998

Dadi berjuang wujudkan keamanan

MISINYA hanya satu iaitu mengembalikan keamanan dan mewujudkan sebuah dunia yang lebih baik demi kaebahagiaan sejagat.

Maka tidak hairanlah beliau pernah dianugerahkan International Peace Messenger Award dari Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1987.

Dr Dadi Prakashmani menjelajah hampir ke seluruh dunia atas satu matlamat iaitu menyeru masyarakat dunia supaya sentiasa berusaha ke arah keamanan dunia.

Menurut Dadi, hanya keamanan dapat menghapuskan segala penderitaan dan membawa kebahagiaan kepada setiap insan.

"Setiap manusia perlu menghentikan krisis yang melanda. Setiap manusia perlu menghentikan perlakuan dosa yang boleh menjurus kepada kebinasaan dunia.

"Matlamat saya hanya satu iaitu memberikan peluang kepada setiap insan di dunia menikmati kehidupan yang lebih selesa.

"Selesa yang dimaksudkan ialah selama walaupun di mana saja anda berada," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui baru-baru ini.

Dadi berada di Malaysia selama hampir seminggu bagi memberi ceramah bertajuk Stability in Crisis, Success in Change di samping bertemu dengan ahli Persatuan Brahma Kumaris Raja Yoga Malaysia.

Dadi dilahirkan dalam keluarga kaya pada 1 Jun 1922 di Hyderabad, Sindh (kini dikenali sebagai Pakistan).

Dalam usia muda 14 tahun, Dadi mula membabitkan diri dan menyerahkan seluruh hidupnya kepada Brahma Kumaris World Spiritual University.

Menurut Dadi, terlalu banyak pengorbanan yang dilakukan dalam dirinya termasuklah soal peribadi. Bagaimanapun, beliau tidak pernah berasa rugi dengan setiap pengorbanan yang dilakukan.

"Jika diikutkan memang banyak yang saya terpaksa korbankan. Bukan saja zaman muda tetapi seluruh hidup saya. Saya mendapat timbal balas yang lebih menguntungkan apabila melihat orang lain bahagia.

Saya tidak pernah menyesal dengan apa yang saya lalui selama lebih 60 tahun," katanya.

Selain memberi ceramah, Dadi bersama pertubuhannya menerbitkan buku bertajuk Visions of a Better World pada 1993 di pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat.

Buku itu dihasilkan sebaik saja Brahma Kumaris melaksanakan projek Global Co-operation for a Better World.

Menurut Dadi, buku itu mengandungi pelbagai visi yang dihasilkan oleh ketua kerajaan bagi setiap negara di seluruh dunia termasuk Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menyentuh mengenai rahsia beliau mengekalkan kesihatan diri, Dadi berkata perkataan risau tidak pernah wujud dalam kamus hidupnya.

"Penyakit utama manusia ialah sentiasa diburu perasaan bimbang.

Untuk hidup sihat dan kuat kita jangan terlalu membebankan diri dengan masalah.

"Hidup saya sentiasa mendengar masalah orang lain tetapi saya tidak pernah membenarkan masalah itu tinggal dalam fikiran saya.

"Selain itu, manusia hari ini terlalu banyak kehendak yang ingin dipenuhi. Ia menyebabkan kita gagal mengawal emosi sehingga jiwa tidak tenang," katanya.

(END)